


# Mahathir cabar Hadi buktikan jumlah derma jihad

 KIRA 24 Julai — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan perbuatan PAS mengutip derma untuk Tabung Jihad dari ceramahnya samalah seperti sebuah syarikat "Ganda Wang Anda" yang menipu rakyat baru-baru ini.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri mencabar Haji Hadi Awang serta para pemimpin PAS lain supaya membuktikan kepada rakyat berapakah jumlah dan bagaimanakah cara wang itu disalurkan.

PAS mengutip derma jihad dari rakyat miskin dengan merayu dan perbuatan itu samalah seperti syarikat Ganda Wang Anda yang menipu orang ramai baru-baru ini, katanya.

Menurutnya, mereka (PAS) menggunakan agama Islam untuk mengutip derma dari orang miskin, tetapi tidak pula mengumumkan akaun dan cara mana wang tersebut digunakan.

Berucap di majlis pelancaran kempen pilihanraya Barisan Nasional bagi kawasan Kubang Pasu di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata oleh kerana PAS tidak jujur, adalah menjadi kewajipan Barisan menentang perjuangan PAS.

Beliau mendakwa, semenjak PAS ditubuhkan, berbagai masalah wujud di kalangan masyarakat Islam terutama orang Melayu sedang perkara itu tidak pernah berlaku semasa ketiadaan parti itu dahulu.

"Kita tak boleh sokong PAS dan adalah menjadi kewajipan semua rakyat memastikan agar PAS tidak menang dalam pilihanraya kali ini," tegas beliau.

25 JUL 1986